

Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi: Tumpuan Kepada Kitab *Bahr al-Madhi*

Oleh: Dr Faisal bin Ahmad Shah (U. Malaya)

ABSTRACT

This study is focused on the method of determination of narrators used by Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi in his syarh (exegesis) of Bahr al-Madhi's scripture, a work in the form of translations and interpretations of two thousands seven hundreds and eighty one (2781) selected hadis (Islamic traditions) from al-Jami' of Imam al-Tirmidhi. This scripture is still being published and considered as a main reference in Islamic studies at several mosques in North West of Malaysia. Such immense acceptance of this scripture has motivated the researcher's interest to undertake the present study. This qualitative approach involved an assessment into al-Marbawi's Bahr al-Madhi especially on the method of determination of narrators. In order to achieve such assessment the researcher has engaged with documentary analysis. The whole methods in determination of narrators applying by al-Marbawi has been examined by researcher by analyzing the findings gathered from various interpretations of al-hadis. Comparative approach also applied by referring to the earlier exegesis of other expertises in al-hadis and identify whether al-Marbawi's styles are in accordance with their methods.

Pengenalan

Tulisan ini cuba melihat sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam bidang penentuan perawi yang merupakan salah satu daripada bidang ilmu riwayat hadis.. Kesungguhan dan pengorbanan Syeikh al-Marbawi dalam meningkatkan kefahaman umat Islam terhadap hadis-hadis nabi dibuktikan dengan penghasilan tiga buah kitab hadis dalam tulisan jawi iaitu *Bahr al-Madhi*, *Bulugh al-Maram* dan Kitab Idangan Guru Sahih Bukhari dan Muslim. Namun dalam tulisan ini tumpuan akan diberikan kepada sumbangan beliau dalam penentuan perawi melalui kitabnya *Bahr al-Madhi*. Penulisan akan dimulakan dengan biodata ringkas Syeikh al-Marbawi dari sudut latarbelakang pengajiannya dan karya-karya penulisan yang dihasilkan oleh beliau. Tulisan kemudiannya akan memperkenalkan

kitab *Bahr al-Madhi* seterusnya sumbangan beliau dalam penentuan perawi.

Biodata Al-Marbawi secara ringkas

Nama penuh beliau ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari¹ Nama ini digunakan pada hampir keseluruhan karya-karya penulisan beliau. Gelaran al-Marbawi yang terdapat pada namanya adalah bersempena dengan nama kampung asal keluarganya di Lubuk Merbau yang terletak dalam daerah Kuala Kangsar, Perak. Manakala al-Azhari pula merujuk kepada Universiti al-Azhar di Mesir tempat beliau menimba ilmu dalam bidang pengajian Islam. Al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313H bersamaan 12 Mei tahun 1896 di kampung Masfalah Mekah Mukarramah. Tarikh dan tempat lahirnya ini dinyatakan dalam kamusnya yang terkenal iaitu Kamus al-Marbawi.² Syeikh al-Marbawi tinggal dan membesar di Mekah sehinggalah tahun 1902 M iaitu ketika beliau berumur 10 tahun.

Pendidikan Syeikh al-Marbawi

Syeikh al-Marbawi memperolehi pelajaran dan didikan agama sejak awal lagi daripada keluarganya yang sentiasa mengambil berat terhadap pelajarannya dan memberikan perhatian yang cukup bagi memastikan kejayaannya dalam bidang pendidikan. Jika ditelusuri, proses pendidikan dan perkembangan ilmu Syeikh al-Marbawi melalui tiga peringkat iaitu peringkat pengajian di Mekah, pengajian di Tanah Melayu dan pengajian di Mesir.

i) Pengajian awal di Mekah

Pendidikan awal Syeikh al-Marbawi bermula di Mekah yang merupakan pusat perkembangan dan penataran ilmu pada waktu itu. Dalam usia empat tahun beliau sudah mampu menghafaz al-Qur'an. Dua tahun kemudian, beliau dihantar ke sekolah Masfalah di kota

¹ Ejaan Mohamed pada nama beliau adalah sebagaimana yang tercatat pada kad pengenalan beliau yang disimpan di Pusat Islam Malaysia (sekarang JAKIM). Lihat Ismail Ismail Mat Ludin (1991), "*Syeikh Idris Marbawi Dan Sumbangannya*" (Kertas Projek di Jabatan Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 1

² Mohamed Idris 'Abd al-Raof al-Marbawi Dr (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi Arabi-Melayu*, T.T.P: Dar al-Fikr, h. 292.

Mekah yang terletak berhampiran dengan rumahnya. Di sekolah tersebut beliau memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam menghafaz al-Qur'an. Potensi beliau sebagai seorang bakal ulama terserlah dan terpancar melalui kekuatan ingatan beliau sehingga berjaya menghafaz enam belas (16) juzuk al-Qur'an ketika umurnya 10 tahun.¹

ii) Pengajian di Tanah Melayu

Di Tanah Melayu, al-Marbawi dan keluarganya menetap di Lubuk Merbau yang terletak di daerah Kuala Kangsar, Perak. Di Lubuk Merbau beliau telah dihantar belajar di Sekolah Melayu Lubuk Merbau bermula dari usianya 11 tahun sehingga beliau lulus darjah lima pada usianya 15 tahun.² Minat dan kecenderungan beliau dalam bidang pengajian Islam telah mendorong beliau untuk menyambung pengajiannya di pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan Kuala Kangsar, Perak. Syeikh Wan Muhammad merupakan mufti Perak pada waktu itu³ Setelah tiga tahun menimba ilmu pengajian Islam di pondok Syeikh Wan Muhammad, beliau kemudiannya berpindah ke pondok Tuan Hussein Nasir bin Muhammad Taib al-Mas 'udi di Kedah. Pengajian sistem pondok yang begitu intensif dan bersifat menyeluruh telah mendorong beliau untuk terus menjelajahi lautan ilmu dengan meneruskan pengembaraan ilmunya ke pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam. Pengajian beliau di sana telah berlangsung selama empat tahun lamanya. Tidak cukup dengan ilmu yang

¹ Lihat Ismail Mat Ludin (1991), *op.cit.*, h. 7. Lihat Utusan Qiblat September 1980, Tahun Kesebelas Syawal/ Zulkaedah Bilangan 121 h. 5. Lihat Pengasuh, Januari –Mac 2001, bilangan 568. Lihat al-Qiyadah Julai 1990, Abu 'Arabi, Bintang Nusantara, Kuala Lumpur h. 33. Lihat Utusan Melayu 14 Ogos 1987, h.1

² Utusan Melayu 1975:14

³ Wan Muhammad bin Wan Husain berasal dari Kampung Saring, Mukim Merbol, Pasir Puteh Kelantan. Tidak dapat dipastikan bilakah beliau dilahirkan. Namun ada sumber menyatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 1348 H ketika usianya sudah menjangkau 80 tahun. Jika kenyataan tersebut benar, maka tarikh beliau dilahirkan ialah pada tahun 1268H /1852 M. Haji Wan Muhammad bukan sahaja seorang guru Sultan tetapi juga seorang guru pondok yang dihormati ramai. Antara pelajar-pelajar yang datang menuntut ilmu di tempat beliau ialah Haji Wan Muhammad bin Wan Puteh dari Pasir Puteh Kelantan, Haji Husain bin Awang Hamat dari Pengkalan Pauh Pasir Puteh Kelantan dan termasuklah al-Marbawi. Beliau meninggal dunia di Bukit Candan Kuala Kangsar pada 13 November 1929M dan meninggalkan hampir 40 orang anak. Salah seorang anaknya ialah Haji Wan Hasan iaitu Qadi Besar Kelantan yang pertama. Lihat Ismail Che Daud, (2001), *op.cit.*, h 652-656. Lihat juga al-Islam, Oktober 1987, h.50

dipelajari di tiga buah pondok sebelum itu, beliau kemudiannya menyambung pengajiannya di Pondok Tok Kenali, Kelantan¹

iii) Pengajian di Mesir

Pengajian beliau di Mesir bermula pada tahun 1924M. Kesungguhan dan iltizam beliau dalam menuntut ilmu di Universiti al-Azhar telah membuahkan hasil apabila beliau antara pelajar terawal yang berjaya mendapat Syahadah 'Aliyyah daripada universiti tersohor dalam bidang pengajian Islam itu. Antara guru-gurunya di Mesir yang sering beliau nyatakan dalam banyak karyanya ialah seperti berikut:

- 1- Syeikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti
- 2- Syeikh Mahmud Ghunaym
- 3- Syeikh Muhammad Bahith
- 4- Syeikh Abu al-A'la al-Falaki
- 5- Al-'Allamah al-Makki al-Syeikh Muhammad 'Ali al-Maliki
- 6- Al-Ustaz 'Abdul Wasif bin Muhammad

Karya-karya Penulisannya

Tradisi menulis merupakan satu tradisi yang telah sebatikan dalam jiwa Syeikh al-Marbawi sejak di pondok Tok Kenali lagi. Melalui penulisannya yang beragam dan bervariasi beliau telah mewariskan idea dan gagasan pemikiran yang tidak ternilai dan sangat berharga. Jarang sekali terdapat ulama yang meninggalkan karya penulisan yang monumental yang menggabungkan dan menyepadukan antara ilmu agama dengan ilmu-ilmu moden. Karya-karya penulisan Syeikh al-Marbawi yang menjangkau tiga belas (13) buah tajuk buku dan ada di antaranya mencecah beratus-ratus halaman membuktikan kedudukan beliau sebagai seorang penulis yang prolific, berdedikasi, tekun, cekal dan mempunyai daya ketahanan dan kesabaran yang tinggi.

Kebanyakan karya-karyanya diterbitkan oleh Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu dan Dar al-Fikr yang merupakan antara syarikat percetakan yang banyak menerbitkan karya penulisan

¹ Dewan Masyarakat 15 Julai 1980, h. 33

tokoh-tokoh ulama al-Azhar. Karya-karya penulisan beliau boleh dibahagikan kepada bidang-bidang seperti berikut:

1) Bidang yang berkaitan dengan Kamus dan Ensiklopedia

- i) Kamus al-Marbawi
- ii) Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar Dan Teladan Belajar Arabnya yang Senang
- iii) Al-Marbawi Qamus al-Jayb 'Arabi – Melayu Latin
- iv) Kitab Perbendaharaan Ilmu
- v) *Mu'jam al-Kainah*

2) Bidang Tafsir

- i) Tafsir Quran al-Marbawi –juzuk الم
- ii) Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu

3) Bidang Hadis

- i. *Bahr al-Madhi*
- ii *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim*
- iii- *Kitab Bulugh al-Maram Serta Terjemah Melayu*

4) Bidang Tauhid, Fiqh dan Tasawuf

- i) Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat
- ii) *Nizam al-Hayat* (Peraturan Hidup Umat Islam)
- iii) Asas Islam

5) Majalah dan Akhbar

- i)Majalah Pengasoh
- ii) Seruan al-Azhar

Pengiktirafan Yang Diberikan Kepada Syeikh al-Marbawi

Kejayaan Syeikh al-Marbawi menghasilkan *Kamus al-Marbawi* dan *Bahr al-Madhi* melonjakkan nama beliau sehingga disebut-sebut bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi di Singapura dan Selatan Thailand. Justeru itu tidak hairanlah beliau menerima pelbagai pujian dan pengiktirafan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antara

anugerah-anugerah yang pernah diterima oleh beliau adalah seperti berikut:

- a) Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia (1980)
- b) Anugerah Tokoh Maal Hijrah (1987)
- c) Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak (1988)
- d) Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak (2004)

Kematiannya

Syeikh al-Marbawi meninggal dunia pada 13 Oktober 1989 jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berumur 93 tahun. Beliau telah dimasukkan ke hospital tersebut selama 28 hari sebelum meninggal dunia kerana menghidap penyakit “ tidak boleh membuang air kecil”. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan Islam Lubuk Merbau Kuala Kangsar bersebelahan dengan pusara isterinya yang meninggal dunia lima bulan sebelum itu. Beliau meninggalkan seorang balu Munirah bt Abdul Wahab, seorang anak perempuan, tiga cucu dan lima cicit.¹

Pengenalan Kitab *Bahr al-Madhi*

Nama kitab

Judul lengkap kitab *Bahr al-Madhi* ialah *Bahr al-Madhi: Li Syarh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*. Judul tersebut dinyatakan dengan jelasnya oleh al-Marbawi dalam mukadimah kitabnya seperti berikut:

“ Maka dengan kenyataan yang di atas tadi dan lagi akan datang aku namailah kitab aku ini dengan nama *Bahr al-Madhi :Li Syarh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*²

Jika diterjemahkan judul tersebut ke dalam Bahasa Melayu, kitab *Bahr al-Madhi* ialah sebuah kitab syarah kepada *Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*. Namun judul yang diletakkan oleh al-Marbawi di bahagian

¹ Temubual dengan Dato’ Hj Mohd Ghazali menantu kepada Syeikh al-Marbawi pada 9 Disember 2004

² *Bahr al-Madhi*, j. 1, h. 3

kulit hadapan kitab lebih jelas berbanding judul yang terdapat pada mukadimah kitab iaitu *Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi wa Syarhuhu Bi Lughah al-Jawi al-Malayu al-Musamma Bahr al-Madhi*. Terjemahan daripada judul di atas jelas menunjukkan bahawa *Bahr al-Madhi* merupakan sebuah kitab *ikhtisar* dan syarah kepada *Sahih al-Tirmidhi*.

Pengertian *Bahr al-Madhi*

Perkataan *Bahr* dalam *al-Qamus al-Muhit* bermaksud (الماء الكثير) iaitu lautan¹ Manakala perkataan *al-Madhi* menurut al-Fayruz Abadi bermaksud *al-'asal* iaitu madu². Daripada gabungan kedua-dua perkataan tersebut terbentuklah perkataan *Bahr al-Madhi* yang diterjemahkan sebagai lautan madu. Perkataan “Lautan Madu” ini pernah dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ ketika menggambarkan keindahan syurga sebagaimana hadis berikut:

إن في الجنة بحر الماء وبحر العسل

Maksudnya:

*Sesungguhnya di dalam syurga terdapat lautan air dan lautan madu.*³

Perkataan lautan biasanya dikiaskan kepada ilmu sebagaimana ibarat (تبحر في العلم) yang bermaksud (تعمق وتوسع) iaitu seseorang yang mendalam dan luas ilmunya⁴ (Majd al-Din Muhammad bin Ya 'qub al-Fayruz Abadi 1998:347) Manakala madu pula dianalogikan kepada sesuatu yang baik, bernilai dan mendatangkan manfaat.

Daripada definisi di atas perkataan *Bahr al-Madhi* dapatlah dianalogikan sebagai lautan ilmu manakala madu pula diterjemahkan sebagai suatu yang bernilai dan mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada manusia. Dapatlah dirumuskan di sini bahawa *Bahr*

¹ Majd al-Din Muhammad bin Ya'qub al-Fayruz Abadi (1998), *op.cit.*, h.346.

² Lihat juga *al-Munjid fi al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* (2001), cet 2, Bayrut: Dar al-Masyriq, h.1328.

³ Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmidhi (1987), *Al-Jami' al-Sahih*, Kitab *Sifat al-Jannah*, Bab *Ma Ja'a fi Sifah Anhar al-Jannah*, no. hadis 2571

⁴ Majd al-Din Muhammad bin Ya 'qub al-Fayruz Abadi (1998), *op.cit.*, h. 347

al-Madhi merupakan sebuah kitab yang mengandungi pelbagai ilmu yang mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada manusia.

Sebab penulisan /dorongan penulisan

Dorongan penulisan kitab *Bahr al-Madhi* dinyatakan oleh Syeikh al-Marbawi dalam mukadimah kitabnya seperti berikut:

“... ialah semata-mata ikhlas hatiku bagi wajah Allah kerana menyiarkan hadis Rasulullah dan meninggikan kalimah Allah هي العليا kepada segala saudaraku yang tiada tahu di dalam bahasa Arab dan dipohonkan pada Allah kiranya manfaat bagi umum umat Muhammad ﷺ dan harapkan jadi pertaruhan di sisi Allah bagi hari akhirat. Dan kiranya tiadalah ia hujjah ke atasku di sana¹

Tarikh penulisan

Kitab *Bahr al-Madhi* yang terdiri daripada dua puluh dua (22) juzuk ini mula dicetak buat kali pertama secara berperingkat-peringkat pada tahun 1933M oleh Syarikat Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Awladuhu. Juzuk pertama kitab ini mula dicetak pada tahun 1933M manakala juzuk terakhir iaitu juzuk dua puluh dua (22) pula dicetak pada bulan Ramadan 1379H bersamaan dengan bulan Mac 1960M.

Kandungan kitab *Bahr al-Madhi*

Kitab *Bahr al-Madhi* merupakan sebuah kitab syarahan hadis berbahasa Melayu yang mensyarahkan dua ribu tujuh ratus lapan puluh satu (2781) buah hadis yang terdapat dalam kitab *al-Jami'* oleh Imam al-Tirmidhi (m.279H). Kitab ini terdiri daripada dua puluh dua (22) juzuk dengan lima ribu enam puluh lapan (5068) halaman serta lapan ribu dua ratus lapan puluh dua (8282) masalah yang menyentuh pelbagai isu dan persoalan yang berkaitan dengan hadis-hadis nabi ﷺ

Penentuan Identiti Perawi dan Kepentingannya

¹ *Bahr al-Madhi*, j.1, h. 3

Penentuan identiti perawi merupakan salah satu aspek yang sentiasa diberi penekanan oleh ulama hadis. Melalui penentuan, identiti seseorang perawi dapat dikenalpasti seterusnya menjadi asas dalam menentukan hukum seseorang perawi dan hadis yang diriwayatkannya. Dalam erti kata yang lain penentuan perawi bermaksud mengenalpasti nama perawi supaya dapat dibezakan dengan perawi yang lain. Nama yang dimaksudkan di sini ialah nama perawi tersebut, gelarannya, keturunannya dan seumpamanya. Perkara ini sangat penting diketahui oleh para ulama kerana kadang kala seseorang perawi mempunyai nama yang sama dengan perawi yang lain. Sebagai contoh nama al-Khalil bin Ahmad dimiliki oleh seramai enam orang perawi. Penentuan perawi juga akan dapat mendedahkan nama-nama perawi yang menggunakan *kunyah* seperti Ibn Mahdi atau perawi yang meriwayatkan hadis daripada bapanya atau perawi yang meriwayatkan daripada bapanya daripada datuknya seperti 'Amru bin Shu'ayb daripada bapanya daripada datuknya atau perawi yang *mubham* dan seumpamanya

Faedah Penentuan Perawi

Penentuan perawi mempunyai beberapa faedah antaranya seperti yang berikut:

- a) Menghilangkan kekeliruan mengenai maklumat perawi dengan perawi yang lain terutamanya jika salah seorangnya *thiqah* dan yang lain daif.
- b) Membezakan perawi dengan perawi yang lain terutamanya seorang perawi yang disangka sebagai dua orang perawi yang berbeza. Ini berlaku jika perawi yang disebut pertama kali dengan namanya dan keduanya dengan keturunannya atau kunyahnya
- c) Menentukan perawi yang *mubham*

Kaedah Penentuan Perawi

Terdapat beberapa kaedah yang diaplikasikan oleh para ulama dalam menentukan identiti perawi antaranya seperti berikut:

- a) Menenalpasti guru perawi tersebut. Dalam hal ini kitab *Tahdhib al-Kamal* oleh al-Mizzi sesuai dijadikan rujukan. Ini adalah kerana kitab tersebut menyenaraikan nama guru-guru

bagi perawi-perawi *al-Kutub al-Sittah* secara komprehensif yang disusun mengikut huruf al-Mu'jam.

- b) Mengenalpasti nama anak-anak murid bagi seseorang perawi
- c) Menentukan *tabaqat* perawi dengan merujuk kepada kitab-kitab *Tabaqat* atau kitab yang menyatakan *tabaqat* perawi seperti kitab *Taqrib al-Tahdhib*. Ibn Hajar telah membahagikan *tabaqat* perawi dalam kitabnya kepada 12 *tabaqat*.
- d) Mengumpulkan *turuq al-hadis*. Ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada kitab-kitab syarah hadis di mana pengarangnya menjelaskan nama-nama perawi seperti kitab *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* dan *Sharh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim*. Kitab-kitab *al-Mustakhrajat* juga turut boleh digunakan dalam mengumpulkan *turuq al-hadis*.

Kaedah Penentuan Identiti Perawi

Berikut di bawah ini ialah beberapa kaedah yang diaplikasikan oleh ulama dalam menentukan identiti perawi

a) Perawi yang disebut dengan namanya sahaja

Terdapat di kalangan perawi yang dinyatakan namanya sahaja tanpa nama bapanya atau keturunannya. Nama sebegini memerlukan kepada penjelasan terutamanya jika nama tersebut dikongsi oleh orang lain seperti nama Sa'id atau 'Amru yang dimiliki oleh ramai perawi.

Contoh:

روى البخاري في صحيحه قال: حدثنا قتيبة بن سعيد ثنا اسماعيل بن جعفر عن عمرو بن سعيد بن أبي سعيد المقبري عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه أنه قال: قلت يا رسول الله (من أسعد الناس بشفاعتك يوم القيامة ؟ ... الحديث¹

Jika diperhatikan kepada sanad hadis ini didapati bahawa nama 'Amru tidak dijelaskan. Malah jika rujukan dilakukan terhadap kitab *Taqrib al-Tahdhib* didapati beberapa orang perawi mempunyai nama yang sama. Dalam hal ini, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah menyelidik nama guru kepada 'Amru iaitu Sa'id bin Abu Sa'id al-

¹ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Riqaq, Bab Sifat al-Jannah wa al-Nar, no hadis 6085

Maqburi dalam *Tahdhib al-Kamal*. Rujukan kepada *Tahdhib al-Kamal* menemui bahawa salah seorang anak murid kepada Sa'id ialah 'Amru bin Abi 'Amrin Mawla al-Matlab.¹ Dalam hal ini tiada Amru selainnya. Bagi menguatkan penemuan, Ismail bin Ja'far iaitu anak murid Amru juga perlu dikenalpasti. Rujukan kepada kitab *Tahdhib al-Kamal* mendapati antara gurunya ialah 'Amru bin Abi 'Amrin mawla al-Matlab.² Riwayat yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* dan Ibn Abi 'Asim dalam *al-Sunnah* menjelaskan nama Amru bin Abi 'Amrin dengan lengkap.

b) Perawi yang disebutkan keturunannya sahaja

Kadangkala perawi disandarkan kepada keturunannya, kabilahnya, negerinya atau pekerjaannya dan seumpamanya tetapi tidak disebut namanya dalam sanad. Dalam hal ini kitab *al-Ansab* oleh al-Sam'ani atau kitab *al-Ansab al-al-Muttafaqah fi al-Khat al-Mutamathilah fi al-Naqt wa al-dabt* oleh Muhammad bin Tahir al-Maqdisi dapat membantu. Begitu juga kitab-kitab *tarajim* yang mengkhususkan bab tertentu untuk *al-ansab* di bahagian akhir kitab.

Contoh

روى ابن ماجه في سننه، قال: حدثنا محمد بن بشار ثنا الأَنْصَارِيُّ ثنا المسعودي ثنا عبد الرحمن بن القاسم بن محمد بن أبي بكر الصديق عن أبيه عن عائشة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: الحية فاسقة...³

Jika dirujuk kepada kitab *al-Ansab*, didapati al-Ansari dalam sanad di atas merujuk kepada satu kumpulan antaranya sahabat dari sahabat daripada 'Urwah bin Ruwaym al-Lakhmi. Dikatakan sahabat yang dimaksudkan ialah Jabir bin Abd Allah. Al-Ansari juga merujuk kepada Muhammad bin Abd Allah dan Ishaq bin Musa.⁴ al-Ansari dalam sanad ini tidak mungkin merujuk kepada sahabat kerana al-Ansari yang terdapat dalam sanad berada pada *tabaqat* yang akhir. Manakala Muhammad berada pada *tabaqat* kesembilan dan meninggal dunia pada tahun 215H. Manakala Ishak berada pada *tabaqat* kesepuluh dan meninggal dunia pada tahun 244 H. Dalam hal ini pengenalpastian kepada Muhammad bin Basshar iaitu anak

¹ Yusuf bin Zakiy al-Mizzi (1980), *Tahdhib al-Kamal* tahqiq Dr. Basshar 'Awad Ma'ruf, Bayrut: Muassasah al-Risalah. J.10, hlm 469

² Ibid., j.3, hlm 58

³ Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Sayd, Bab al-Ghurab, no hadis 3240.

⁴ Ahmad bin Ali bin Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib*, Bayrut: Dar Sadir, j.12, hlm 319

murid al-Ansari akan dapat membantu. Rujukan kepada kitab *Tahdhib al-Kamal* mendapati di antara gurunya ialah Muhammad bin Abd Allah al-Ansari.¹ Pengenalpastian kepada terjemahan Muhammad bin 'Abd Allah al-Ansari mendapati antara anak muridnya ialah Muhammad bin Basshar (Bundar) dan antara gurunya ialah al-Mas'udi.² Maklumat sebegini tidak ditemui dalam terjemahan Ishaq bin Musa.

c) Perawi yang dikenali dengan *kunyahnya*

Perawi-perawi hadis kadang kala diperkenalkan dengan *kunyahnya* sahaja seperti Abu Fulan . Justeru bagi mengenalpasti siapakah yang dimaksudkan dengan *kunyah* tersebut perlu dilihat kepada kitab-kitab *Kuna* antaranya *al-Kuna* oleh Imam al-Bukhari, *al-Kuna* dan *al-Asma'* oleh Muslim , *al-Asami wa al-Kuna* oleh Imam Ahmad , *Asma' man yu'raf bi kunyiyatihi* oleh al-Azdi, *al-Kuna* oleh al-Dulabi dan seumpamanya . Terjemahan perawi ini juga boleh dirujuk di dalam kitab *al-tarajim* yang mengkhususkan di bahagian akhir kitab, bab mengenai perawi yang dikenali dengan *kunyahnya*.

Contoh

روى البخاري في صحيحه قال: حدثنا أبو الوليد ثنا شعبة عن خالد عن أبي قلابة عن أنس عن النبي (قال : لكل أمة أمين وأمين هذه الأمة أبو عبيدة بن الجراح³

Terdapat seorang perawi yang menggunakan *kunyahnya* dalam sanad ini iaitu Abu Qilabah . Justeru kitab *al-Kuna wa al-Asma'* oleh Imam Muslim boleh dijadikan rujukan dalam mengenalpasti siapakah Abu Qilabah . Maklumat yang ditemui menunjukkan Abu Qilabah disebut pada huruf qaf sebagai Abd Allah bin Zayd, mendengar hadis daripada Anas bin Malik , Malik bin al-Huwairith, diriwayatkan daripadanya Khalid al-Khiza' dan Ayyub.⁴ Maklumat tersebut dapat dibuktikan apabila rujukan dilakukan kepada terjemahan Abd Allah bin Zayd dalam *Tahdhib al-Tahdhib* yang menjelaskan bahawa antara

¹ Al-Mizzi, *Tahdhib al-Kamal*, j.24hlm 215

² Ibn Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib*. j.9, h.274

³ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Maghazi, Bab Qissah Ahl Najran, no hadis 4031

⁴ Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (1404), *al-Kuna wa al-Asma'* tahqiq 'Abd al-Rahim al-Qashqari , Madinah, j.1,h.699

gurunya ialah Anas bin Malik dan di antara anak muridnya ialah Khalid al-Khiza'.¹

d) Perawi yang dikenali dengan *laqabnya*

Kadang kala perawi dikenali dengan *laqabnya* seperti al-A'mash atau al-A'raj atau Ghundar. Justeru antara kitab yang boleh dijadikan rujukan ialah *Nuzhat al-Bab fi al-Alqab* oleh Ibn Hajar, kitab *Kashf al-Niqab 'an Alqab* oleh Imam al-Suyuti dan kitab *al-tarajim* yang lain.

Contoh

روى ابن ماجة في سننه، قال: حدثنا دحيم ثنا الوليد بن مسلم ثنا الأوزاعي ح وحدثنا أبو بكر بن أبي شيبة ثنا محمد بن مصعب ثنا الأوزاعي ثنا يحيى بن أبي كثير ثنا أبو سلمة عن عمرو بن أمية قال: رأيت رسول الله يمسح على الخفين والعمامة²

Dalam sanad di atas terdapat seorang perawi yang menggunakan *laqab* Duhaym. Kajian menunjukkan terdapat ramai perawi yang menggunakan nama Duhaym. Ibn Hajar menjelaskan dalam kitabnya *Nuzhat al-Albab* bahawa Duhaym merupakan *laqab* kepada perawi yang ramai dan yang paling mashyur ialah 'Abd al-Rahman bin 'Ibad al-Dimashqi iaitu guru kepada Imam al-Bukhari, Abd al-Rahman bin 'Ibad Abu Ismail al-Maghuli, 'Abd al-Rahman bin Sulayman bin Bard bin Nujayh al-Basri, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Musa al-Asadi, 'Imarah bin Sadaqah dan al-Hasan bin al-Qasim al-Dimashqi.³ Bagi mengenalapasti perawi yang dimaksudkan, rujukan boleh dilakukan kepada kitab *Taqrib al-Tahdhib* kerana perawi tersebut merupakan perawi dalam Sunan Ibn Majah. Didapati hanya seorang perawi sahaja yang menggunakan *laqab* tersebut iaitu 'Abd al-Rahim bin Ibrahim .

e) Perawi yang dinisbahkan kepada bapanya

Pencarian bagi terjemahan perawi yang disandarkan kepada bapanya boleh dilakukan dengan merujuk kepada kitab-kitab *al-Tarajim* yang mengkhususkan pada bahagian akhir kitab tersebut satu bab mengenai perawi yang disandarkan kepada bapanya,

¹ Ibn Hajar al-Asqalani , *Tahdhib al-Tahdhib* ,j.5 h.224.

² Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Taharah wa Sunanuha, Bab Ma Ja'a fi al-Mashi 'ala al-'Imamah, no hadis 555

³ Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (1991), *Nuzhat al-Albab fi al-Alqab*, Dar al-Jil , h.125

ibunya, datuknya, bapa saudaranya sebelah bapa atau bapa saudaranya sebelah ibu.

Contoh

روى النسائي في سننه، قال: أخبرنا اسحاق بن إبراهيم ثنا النضر بن شميل ثنا شعبة عن يزيد بن حمير قال سمعت حبيب بن عبيد يحدث عن جبير بن نفير عن ابن السمط قال: رأيت عمر بن الخطاب يصلي بذي الحليفة ركعتين فسألته عن ذلك فقال: إنما أفعل كما رأيت رسول الله (ﷺ) يفعل¹

Rujukan kepada bab *man nusiba ila abihi aw ummihi aw jaddihi* dalam kitab *Taqrib al-Tahdhib* huruf sin mendapati bahawa Ibn Hajar telah menyenaraikan tiga orang perawi yang dikenali dengan Ibn al-Samt iaitu Shurahbil, Thabit dan Yazid.² Sanad dalam hadis di atas menjelaskan bahawa Ibn al-Samt meriwayatkan daripada Umar bin al-Khattab. Rujukan kepada kitab *Tahdhib al-Tahdhib* mendapati bahawa perawi yang dimaksudkan ialah Shurahbil kerana beliau meriwayatkan daripada nabi s.a.w dan Umar bin al-Khattab dan perawi yang meriwayatkan hadis daripada beliau ialah Jubayr bin Nufayr.³

f) Perawi yang meriwayatkan hadis daripada bapanya atau daripada bapanya daripada datuknya

Terdapat perawi yang meriwayatkan daripada bapanya seperti Hisham bin 'Urwah daripada bapanya atau meriwayatkan daripada bapanya daripada datuknya . Dalam hal ini rujukan boleh dilakukan terhadap kitab *Idah al-Ishkal* oleh Muhammad bin Tahir al-Maqdisi dan kitab *man rawa 'an abihi 'an jaddihi* oleh Ibn Qatlubugha

g) Al-Muttafaq dan al-Muftaraq

Al-Muttafaq dan *al-Muftaraq* ialah perawi-perawi yang mempunyai nama yang sama dari sudut tulisan atau lafaz tetapi

¹ Ahmad bin Shu'ayb al-Nasai (1986), *Sunan al-Nasa'i*, tahqiq 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Halb: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, j.3, h.118

² Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhib* (1973), Hind: Dar Nashr al-Kutub al-Islamiyyah, h.438

³ Ibn Hajar, *Tahdhib al-Tahdhib* j.4, h.283

merupakan individu yang berbeza walaupun ramai menyangkanya sebagai individu yang sama. Masalah akan bertambah jika perawi-perawi tersebut berada dalam satu generasi atau *tabaqah* yang sama atau negeri yang sama. Dalam hal ini rujukan kepada kitab *Muwaddih Awham al-Jam' wa al-Tafriq* oleh al-Khatib al-Baghdadi atau kitab *Mushtabih Asami al-Muhaddithin* oleh al-Hirawi banyak membantu

Contoh

روى النسائي في سننه، قال: أخبرنا قتيبة ثنا ابن أبي فديك عن ابن أبي ذئب عن سعيد بن خالد عن سعيد بن المسيب عن عبد الرحمن بن عثمان " أن طبيبا ذكر ضفدعا في دواء عند رسول الله (، فنهى رسول الله) عن قتله¹

Rujukan kepada kitab *Taqrib al-Tahdhib* mendapati bahawa terdapat empat orang perawi mempunyai nama seperti Sa'id bin Khalid iaitu Sa'id bin Khalid bin Abu Tawil al-Qurashi daripada *tabaqah* keenam, Sa'id bin Khalid bin 'Abd Allah bin Qariz al-Kinani daripada *tabaqah* ketiga, Sa'id bin Khalid bin 'Amrin bin 'Uthman bin 'Affan daripada *tabaqah* keenam dan Sa'id bin Khalid al-Khuza'i daripada *tabaqah ketujuh*.² Memandangkan Sa'id bin Khalid yang terdapat dalam sanad meriwayatkan daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada *tabaqah* kedua maka sudah tentu perawi yang mengambil riwayat daripadanya daripada *tabaqah* yang berhampiran. Maka dalam hal ini Sa'id bin Khalid yang dimaksudkan ialah Sa'id bin Khalid bin 'Abd Allah bin Qariz al-Kinani.

h) Perawi *al-Mubham*

Perawi *mubham* ialah perawi yang tidak dinyatakan namanya sama ada pada sanad atau matan hadis seperti daripada fulan atau daripada lelaki. Antara kitab yang boleh dijadikan rujukan ialah *Ghawamid al-Asma' al-Mubhamat* oleh Ibn Bashkawal dan kitab *al-Mustafad min Mubhamat al-Matn wa al-Isnad* oleh al-Waliy al-'Iraqi. Bahagian *al-Mubhamat* yang terdapat dalam kitab *Hadyu al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari* juga turut boleh dijadikan rujukan.

¹ Al-Nasai, *Sunan al-Nasai*, Kitab al-Sayd wa al-Zabaih, Bab al-Difda' j.10 h. 210

² Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahdhib*, h.120-121

حدثني يحيى عن مالك عن بن شهاب عن رجل من آل خالد بن أسيد: أنه سأل عبد الله بن عمر فقال: يا أبا عبد الرحمن إنا نجد صلاة الخوف وصلاة الحضر في القرآن ولا نجد صلاة السفر، فقال: بن عمر يا بن أخي إن الله عز و جل بعث إلينا محمدا (ولا نعلم شيئا، وإنما نفعل كما رأيناه يفعل¹

Ibn Bashkawal dalam kitabnya *Ghawamid al-Asma'* menjelaskan perawi *mubham* yang terdapat dalam sanad di atas ialah Umayyah bin 'Abd Allah bin Khalid bin Usayd.² Ia turut dinyatakan oleh Ibn Hibban dalam *sahihnya*³ dan Ibn 'Abd al-Bar dalam kitabnya *al-Tamhid*⁴

Penentuan Identiti Perawi dalam Kitab *Bahr al-Madhi*

Penentuan identiti perawi merupakan salah satu cabang dalam ilmu hadis riwayat yang sentiasa dititikberatkan oleh ulama-ulama hadis dalam kitab-kitab syarah hadis mereka. Namun penentuan yang diletakkan berbeza di antara seorang ulama dengan ulama hadis yang lain. Ada di kalangan mereka yang menterjemahkan dan menentukan seseorang perawi dengan panjang lebar melibatkan nama, keturunan, latar belakang pengajiannya, guru-gurunya, murid-muridnya sehinggalah ke tarikh wafatnya. Manakala ada pula di kalangan mereka yang menyentuh mengenai nama dan keturunan perawi sahaja. Antara kitab syarah hadis yang mengupas dengan panjang lebar mengenai terjemahan dan penentuan perawi ialah kitab *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (m.852H).

Al-Marbawi juga tidak ketinggalan menukulkan maklumat mengenai terjemahan dan penentuan perawi sebagaimana yang terdapat dalam kitabnya *Bahr al-Madhi*. Terjemahan dan penentuan perawi yang terdapat dalam kitab *Bahr al-Madhi* boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

i) Terjemahan sahabat

¹ Malik bin Anas, *Muwatta'* riwayat Yahya al-Laythi, Kitab Qasr al-Solat fi al-Safar, Bab Qasr al-Solat fi al-Safar, no hadis 334.

² Khalif bin 'Abd al-Malik Ibn Bashkawal, *Ghawamid al-Asma' al-Mubhamah*, tahqiq 'Iz al-Din al-Sayyid Dr, Bayrut: Dar 'Alam al-Kutub, j.2 h. 606

³ Ibn Hibban al-Busti, *Sahih Ibn Hibban bi tartib Ibn Balban* j.4 hlm 301 dan j.6 hlm 606

⁴ Yusuf bin 'Abd Allah bin 'Abd al-Bar, *al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, j.11, h. 161

Al-Marbawi kadangkala menterjemah seseorang perawi dari kalangan sahabat dengan terjemahan yang panjang melibatkan sejarah dan peristiwa yang dilalui oleh mereka terutamanya jika mempunyai kaitan dengan hadis yang dikemukakan. Terdapat pula dalam sesetengah keadaan terjemahan beliau dilihat terlalu ringkas dan tidak meluas. Antara contoh-contoh terjemahan perawi yang boleh dikemukakan di sini ialah seperti berikut:

Contoh 1

Bab pada menyatakan hadis bicara niat.

Ketika menterjemahkan Saidina 'Umar dalam "bab pada menyatakan hadis bicara niat" beliau telah meletakkan beberapa tajuk masalah khusus membicarakan sejarah hidup saidina 'Umar seperti berikut:¹

- 4- masalah: Tarikh hayat saidina 'Umar bin al-Khattab
- 5- masalah : Diperanakan saidina 'Umar.....
- 6- masalah : Apa sebab Islam saidina 'Umar ?
- 7- masalah : Saidina 'Umar mengajak nabi menzahirkan ugama Islam di hadapan Quraisy
- 8- masalah : Kerja saidina 'Umar di dalam Islam
- 9- masalah : Kegarangan saidina 'Umar
- 10- masalah : Peri kebahagiaan saidina 'Umar

Contoh 2

باب ما جاء في هني النساء عن تمنى ما فضل به الرجال، و ما نزل في ذلك،
عَنْ أُمِّ سَلْمَةَ أَنَّهَا قَالَتْ: يَغْزُو الرِّجَالُ وَلَا تَغْزُو النِّسَاءُ، وَإِنَّمَا لَنَا نَصْفُ
الْمِيرَاثِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى "وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى
بَعْضٍ" قَالَ بِمَاجِدٍ : فَأَنْزَلَ فِيهَا : إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَكَانَتْ أُمُّ
سَلْمَةَ أُولَى ظَعِينَةَ قَدِمَتْ الْمَدِينَةَ مَهَاجِرَةً

Tersebut di dalam kitab yang bernama *al-Isabah Fi Tamyiz al-Sahabah* ialah Ummu Salamah binti Abi Umayyah bin al-Mughirah bin 'Abd Allah bin 'Amrin bin Makhzum al-Qurasyiyah al-Makhzumiyah. Ialah Umm al-Mukminin yang telah jadi isteri Rasulullah ﷺ. Nama batang tubuhnya Hindun binti Abi

¹ Bahr al-Madhi j. 1, h. 5-8.

Umayyah bin Huzayfah. Dan suaminya yang pertama iaitu anak bapa saudaranya sebelah bapanya namanya Abu Salamah 'Abd Allah bin 'Abd al-Asad bin al-Mughirah. Dan adalah Ummu Salamah itu seorang perempuan yang telah Islam dahulu sama-sama orang-orang yang Islam di Mekah, telah Islam ia dengan suaminya, kemudian berpindah suami isteri ke negeri Habsyah kemudian kembali keduanya ke Mekah pula. Kemudian keluar ia dengan suaminya berpindah ke Madinah. Maka tatkala sampai suami isterinya di luar Mekah sudahlah ditahan kaum keluarganya tidak memberi Ummu Salamah dan anaknya yang bernama Salamah berpindah ke Madinah itu dan dapat lepas suaminya Abu Salamah berpindah dan tinggal ia sama-sama kaumnya hingga tiap-tiap hari ia menangis kerana bercerai dengan suaminya ...¹

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa ketika melakukan penterjemahan perawi, al-Marbawi kadangkala merujuk kepada kitab *Usd al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah* oleh Ibn al-Athir al-Jazari (m.606H) dan *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (m.852H). Kadangkala pula beliau tidak menyatakan rujukan sama sekali.

Selain daripada bentuk-bentuk terjemahan di atas, al-Marbawi kadangkala memberikan sifat-sifat tertentu kepada perawi dari kalangan sahabat secara ringkas seperti contoh berikut:

Contoh 1

...diriwayatkan daripada saudara sepupu bagi nabi yang mahsyur alim sebesar-besar alim sahabat nabi namanya Saidina 'Abdullah bin 'Abbas²

¹ *Bahr al-Madhi* j. 21 h. 183. Sila lihat contoh lain pada j.16, h. 139 dan j. 21 h. 215.

² *Bahr al-Madhi* j. 12 h. 15

Contoh 2

...diriwayatkan daripada seorang perempuan yang terbilang masuk di dalam sahabat nabi namanya Khaulah binti Qays dan adalah ia di bawah yakni isteri bagi bapa penakan nabi yang bernama Saidina Hamzah.¹

Terjemahan juga kadangkala melibatkan sahabat yang disebutkan namanya dalam matan hadis seperti contoh berikut:

Contoh

باب ما جاء في الزوجين المشركين يسلم أحدهما، عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ
عَنْ حَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (رَدَّ ابْنَتَهُ زَيْنَبَ عَلَيَّ أَبِي الْعَاصِيِّ بْنِ الرَّبِيعِ بِمَهْرٍ
حَدِيدٍ وَنِكَاحٍ حَدِيدٍ

229 masalah : Abu al-'As suami siti Zainab puteri nabi bagaimana tarikh kahwinnya dan cerainya (Kata Ibn al-Athir) di dalam Usd al-Ghabah – Abu al-'As itu ialah Ibn al-Rabi' bin 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Syams bin 'Abd Manaf bin Qusay al-Qurasyi. Ialah menantu Rasulullah berkahwin dengan puterinya Siti Zainab anakanda baginda yang sulungnya. Maka menantu Rasulullah ini telah bersalah-salahan ulama pada namanya. Kata setengah orang namanya Laqit dan kata setengah orang Hasyim ada yang mengatakan mihsyam. Tetapi yang banyak orang katakan namanya ialah Laqit ...²

ii) Penterjemahan perawi selain perawi dari kalangan sahabat

¹ *Bahr al-Madhi* j. 16, h. 153. Sila lihat contoh lain pada j. 15, h. 50.

² *Bahr al-Madhi* j. 8, h. 146. Sila lihat contoh lain pada j. 21, h. 202 dan j. 2, h. 199.

Aspek penterjemahan dan penentuan perawi selain sahabat turut diberi penekanan oleh al-Marbawi. Walaupun beliau tidak memasukkan sanad-sanad hadis riwayat Imam al-Tirmidhi di dalam kitabnya *Bahr al-Madhi* namun aspek penterjemahan dan penentuan perawi selain perawi sahabat tetap tidak diabaikan. Dalam hal ini, beliau banyak menukilkan terjemahan perawi sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Jami'*. Namun tidak semua perawi yang diterjemahkan oleh Imam al-Tirmidhi dalam kitab *al-Jami'* dinukilkan oleh al-Marbawi. Kebanyakan terjemahan perawi yang dinukilkan oleh beliau melibatkan perawi-perawi yang menggunakan *kunyah* (gelaran) sahaja.¹

Contoh 1

باب ما جاء في التجار وتسمية النبي (إياهم صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:
التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ التَّيِّبِينَ وَالصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

...(Kata Abu 'Isa) al-Tirmidhi bermula ini hadis *hasan* tiada kami ketahui akandia melainkan daripada ini wajah daripada hadis al-Thawri daripada Abu Hamazah. Dan Abu Hamazah itu namanya 'Abdullah bin Jabir maka ialah seorang syeikh di negeri Basrah.²

Al-Marbawi juga kadangkala menjelaskan status seseorang perawi yang dinyatakan dalam sesebuah matan hadis. Maklumat yang dikemukakan beliau akan dapat menjelaskan kedudukan perawi tersebut lebih-lebih lagi setelah sanad digugurkan.

¹ Kajian terhadap kitab *al-Jami'* menunjukkan penekanan Imam al-Tirmidhi kepada nama dan gelaran perawi (*al-asma' wa al-kuna*). Beliau akan memperkenalkan nama perawi jika disebut dengan gelarannya dan memperkenalkan gelaran perawi jika disebut dengan namanya. Imam al-Tirmidhi juga menekankan mengenai sejarah dan latarbelakang perawi (*Tarikh al-Rijal*) sama ada dari sudut waktu dan bila mendengar daripada guru, kelahiran dan sebagainya. Pengetahuan mengenai sejarah perawi akan dapat membantu dalam memastikan hadis yang bersambung atau terputus dan kesahihan hadis perawi atau *keda'ifannya*. Selain itu Imam al-Tirmidhi juga mengutamakan penjelasan terhadap *tabaqah* perawi sama ada dari *tabaqah* sahabat, tabiin atau sebagainya. Lihat Nur al-Din 'Itr Dr (1988), *op.cit.*, h. 222-224.

² *Bahr al-Madhi* j. 9 h. 89

Contoh 1

باب ما جاء في التغليس بالفجر، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: إِنَّ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ (كَيْصَلِّي الصُّبْحَ فَيَنْصَرِفُ النِّسَاءُ قَالَ الْأَنْصَارِيُّ فَيَمُرُّ النِّسَاءَ مُتَلَفِّفَاتٍ بِمُرُوطِهِنَّ مَا يُعْرَفْنَ مِنَ الْعَلَسِ)

Diriwayatkan daripada Siti 'Aisyah katanya bahawasanya adalah Rasulullah sembahyang Subuh ia dan sekalian kami ada hadir sama-samanya berjemaah. Apakala selesai sembahyang (فينصرف النساء) maka berpaling perempuan-perempuan, yakni mengizin akan kembali ke rumah masing-masing nabi akan sekalian perempuan (قال الأنصاري : فيمر النساء متلففات) kata guru Tirmidhi yang bernama Ishaq bin Musa al-Ansari pada riwayatnya maka lalulah segala perempuan yang berbulu dengan kain mereka itu pulang tiada dikenal akan mereka itu laki-lakikah atau perempuan daripada gelap hari oleh menunjukkan bersubuh amat nabi sembahyang itu sampai tiada berapa kenal seorang dengan seorang.¹

Dalam contoh di atas, al-Marbawi telah menterjemahkan al-Ansari sebagai guru Imam al-Tirmidhi yang bernama Ishaq bin Musa al-Ansari..

Contoh 2

باب ما جاء في الترجيع في الأذان

عَنْ أَبِي مَحْدُورَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعَدَّهُ وَالْقَى عَلَيْهِ الْأَذَانَ حَرْفًا حَرْفًا قَالَ إِبْرَاهِيمُ مِثْلَ أَذَانِنَا قَالَ بَشْرٌ فَقُلْتُ لَهُ أَعِدْ عَلَيَّ فَوَصَفَ الْأَذَانَ بِالترْجِيعِ...صحيح

¹ Bahr al-Madhi j. 2 h. 16

Diriwayatkan daripada Abi Mahdhurah bahawasanya Rasulullah ﷺ menduduk ia akandia dan diajarnya atasnya akan bang sekalimah-sekalimah. Kata Ibrahim cicit kepada Abi Mahdhurah diajarnya semacam bang kita sehari ini. Kata Bisyr bin Mu'adh (guru Abu 'Isa al-Tirmidhi) maka aku kata baginya: Ya Ibrahim ulang olehmu akan ajar nabi atasku maka mensifat ia akan bang itu di dalam ajarannya dengan *tarji'*.¹

Dalam contoh di atas al-Marbawi telah menterjemahkan Ibrahim sebagai cicit kepada Abi Mahdhurah dan Bisyr bin Mu'adh pula sebagai guru Imam al-Tirmidhi.

iii) Terjemahan *al-Mubham*

Mubham merupakan *isim maf'ul* dari perkataan *ibham* yang membawa maksud *ghayru mubaiyyinin* ertinya yang tidak dijelaskan. Dari sudut istilah pula *mubham* bermaksud sebuah hadis yang terdapat pada matan atau sanadnya seseorang sama ada lelaki atau wanita yang tidak dijelaskan namanya.² Melalui terjemahan tersebut, sesebuah hadis itu akan dapat difahami dengan lebih mudah dan menyeluruh. Antara ulama hadis yang sentiasa komited dalam terjemahan *mubham* ialah Ibn Hajar al-'Asqalani (m.852H) dalam kitabnya *Fath al-Bari*.³

Bagi al-Marbawi, beliau sentiasa memastikan individu *mubham* ini diberikan pengenalannya sama ada maklumat tersebut dinukilkan daripada kitab *al-Jami'*, *Sahih al-Bukhari*, *'Aridah al-Ahwazi* dan sebagainya. Antara contoh-contohnya adalah seperti berikut:

¹ *Bahr al-Madhi* j. 2, h. 63-64. Sila lihat contoh lain pada j. 9, h. 15-16 dan j. 15, h. 137.

² Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi (2004), *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadisyyah*, Bangi: Dar al-Syakir, h. 74.

³ Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi Dr (2006), *Syarh al-Ahadis al-Nabawiyah: Ta'sis wa Tatbiq*, Prosiding Kertas kerja Seminar Antarabangsa mengenai metodologi pentafsiran al-Quran dan syarahan hadis di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 17 dan 18 Julai 2006, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan Sunnah Fakulti Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan UIA. j. 3, h.1308.

Contoh 1

باب ما جاء في المداراة عن عائشة قالت استأذن رجل على رسول الله (، وأنا عنده، فقال: بئس ابن العشيرو أو أخو العشيرو، ثم أذن له فآلان له القول، فلما خرج قلت له يا رسول الله، قلت له ما قلت، ثم آلتت له القول، فقال يا عائشة إن من شر الناس من تركه الناس أو ودعه الناس أتقاه فحشيه

Diriwayatkan daripada seorang daripada isteri Rasulullah namanya Siti 'Aishah katanya telah minta izin masuk seorang laki-laki namanya 'Uyaynah bin Husnin bin Hudhayfah bin Badr al-Fizari (عيينة بن حصن بن حذيفة بن بدر الفزاري) dan juga dipanggil orang namanya *al-Ahmaq al-Muta* ' (الأحمق المطاع)¹

Contoh 2

باب ما جاء في الركعتين إذا جاء الرجل والإمام يخطب عن جابر بن عبد الله قال بينا النبي (يخطب يوم الجمعة إذ جاء رجل فقال النبي (أصليت قال لا قال قم فاركع

Diriwayatkan daripada seorang sahabat nabi bernama Jabir bin 'Abd Allah katanya di dalam antara nabi berkhotbah pada hari Jumaat tiba-tiba datanglah masuk seorang laki-laki kerana hadir Jumaat itu namanya Salik al-Ghatfani ...²

Penutup

Penghasilan kitab Bahr al-Madhi berjaya membuktikan ketokohan Sheikh al-Marbawi dalam bidang ilmu riwayat hadis antaranya berkaitan penentuan identiti perawi. Ilmu berkaitan penentuan identiti perawi merupakan salah satu ilmu di bawah ilmu riwayat hadis yang sentiasa diberi penekanan oleh ulama hadis

¹ Bahr al-Madhi j. 13, h. 207.

² Bahr al-Madhi j. 3, h. 216. Sila lihat contoh lain pada j. 20, h. 140 dan j. 3, h. 43.

dalam karya-karya penulisan mereka. Justeru ilmu tersebut wajar diberi perhatian oleh para ulama dalam menghasilkan karya-karya hadis. Kajian menunjukkan hampir tiada karya dalam bidang hadis karangan ulama nusantara yang menerapkan elemen ilmu riwayat hadis dalam karya-karya mereka. Berbeza dengan kitab Bahr al-Madhi, Sheikh al-Marbawi telah menunjukkan kesungguhannya dalam mengaplikasikan ilmu penentuan identiti perawi dengan menterjemahkan dan memperkenalkan perawi-perawi yang tidak jelas namanya dalam sanad ataupun matan.